

07/09/2000

Belia pewaris tamadun ilmu

Kamarul Zaman Zainal Abidin

BELIA biasanya dikaitkan dengan konotasi berdarah panas dan sering bertindak di luar pertimbangan akal serta dikuasai emosi.

Keadaan dipersulit oleh tindakan sesetengah belia yang terpengaruh dengan fahaman politik tertentu di negara ini.

Bagi golongan ini, mereka seolah-olah lupa bagaimana mereka dibesar dan dibawa ke tengah masyarakat.

Islam adalah agama yang memberikan kedudukan istimewa kepada belia. Malah, dalam satu peperangan, Rasulullah saw mengangkat Usamah bin Zaid, yang ketika itu berusia 18 tahun, menjadi komandan angkatan tentera Islam.

Pada mulanya ramai yang curiga tetapi apabila baginda menyatakan keyakinannya kepada Usamah, masyarakat Islam menerimanya.

Peristiwa ini tercatat dalam Sahih Bukhari. Daripada Ibnu Umar ra, beliau berkata: "Rasulullah mengirimi pasukan perang (melawan pasukan Rom) dan mengangkat Usamah bin Zaid sebagai ketua. Lalu ada yang meragui pelantikan itu.

Nabi bersabda: Jika kamu mencela pengangkatan Usamah sebagai komandan, sesungguhnya sebelum ini kamu pernah mencela pengangkatan bapanya (Zaid). Demi Allah, sesungguhnya pengangkatan Zaid itu sudah tetap dan dia sangat kucintai dan ini (Usamah) termasuk orang yang kucintai sesudah Zaid." (Bukhari, Jil III, hadis ke-1914).

Sejarah Islam mencatatkan kegemilangan beberapa belia Islam.

Antaranya ialah Saiyidina Ali Abu Talib, Thalhah, Abdullah bin Umar Zaid bin Thabit dan ramai lagi.

Paling popular ialah Saiyidina Ali RA

Saiyidina Ali adalah anak saudara Nabi Muhammad, beliau juga menjadi ketua peperangan dan menjadi pemuda contoh serta kebanggaan Islam.

Antara tindakan berani Saiyidina Ali yang tercatat dengan tinta emas dalam sejarah Islam ialah kesanggupannya bergadai nyawa untuk menyelamatkan Nabi Muhammad ketika kaum Quraisy hendak membunuh baginda.

Saiyidina Ali sanggup menggantikan Nabi Muhammad tidur di tempat tidur baginda ketika Rasulullah berhijrah ke Madinah.

Ibnu Hisham (1975) dan Ibnu Ishaq (1970) dalam sirahnya mencatatkan kejujuran dan keberanian Saiyidina Ali sebagai lambang kejituan pengorbanan seorang remaja yang berpandangan jauh dan mempunyai kedudukan yang tinggi dalam sejarah kebangkitan Islam.

Selain Ibnu Hisham dan Ishaq, beberapa tokoh sejarah Islam moden juga memujinya.

Antara mereka ialah Ghulam Sawar, Athar Hussain (1967 New Delhi), Ameer Ali (Lahore 1974), Abdul Karim (1934), Maurice Bucaille (1978), Muhammad Hamudullah (1979), Muhammad Husain Haykal (1976), dan ramai lagi.

Sementara penulis sejarah Nabi Muhammad yang bukan Islam, antaranya yang paling popular ialah Smith Bosworth, Emile Dermenghem (The Life of Mohamet), HAR Gibb (1969), K Philip Hitti (1970), Montgomery Watt (1968), R George Bush, Robert L Juniore Gulick (1969) dan ramai lagi. Sementara ulama Nusantara, Prof Dr Hamka.

Semua mereka memuji keberanian Saiyidina Ali dan menyifatkan keberanian itu lambang keperibadian mulia seorang remaja yang akhirnya menjadi Khalifah Islam Ke-IV selepas kewafatan Rasulullah.

Hamka dalam buku Sejarah Islamnya (1978) menyebut kesediaan dan keberanian Saiyidina Ali tidur di tempat Rasulullah adalah sesuatu yang luar biasa, terutama ketika musuh Islam tidak memberi peluang kepada umat

Islam untuk meneruskan perjuangan mereka.

Menurut Hamka, sumbangan Saiyidina Ali itu adalah antara penyebab kejayaan Islam sehingga ke hari ini.

"Jika Saiyidina Ali tidak menggantikan Rasulullah tidur di kamar baginda pada malam itu, kemungkinan Rasulullah dibunuh dan Islam tidak akan berkembang seperti sekarang," katanya. (Rujuk Sejarah Islam dan Tafsir Azhar, oleh Hamka). Selain itu, Afzalur Rahman dan Ameer Ali dalam sirahnya, turut memberi kedudukan yang tinggi kepada Saidina Ali.

Berdasarkan fakta sejarah, belia Islam pada zaman permulaan sehingga kejatuhan Kerajaan Uthmaniyah Turki, dianggap mempunyai moral yang tinggi serta berpandangan jauh.

Belia Islam tidak jemu-jemu memajukan diri dan sanggup berhijrah, meninggalkan kaum keluarga untuk mencari ilmu dan memartabatkan Islam.

Antara mereka ialah Imam Bukhari, perawi hadis terkemuka dari Bukhara (256 Hijrah bersamaan 870 M), Imam Muslim (875M bersamaan 261 H), Imam Shafie (767M-820M bersamaan 150-205H) Hijrah dan ramai lagi.

Dalam kegiatan politik antarabangsa, belia juga dikaitkan dengan pelbagai pembangunan moral, mental dan tanah air.

Misalnya bekas Presiden Indonesia, Soekarno, memberikan kedudukan belia yang cukup istimewa.

Dalam satu pidatonya Soekarno berkata: "Berikan kepada saya 10 belia waja, nescaya akan saya gegar dunia." (Rujuk Lothrop Stoddard, 1967)

Dalam konteks Malaysia, belia juga mempunyai kedudukan yang tinggi.

Malah, kerajaan mengadakan kementerian khas, Kementerian Belia dan Sukan, sebagai penggerak nadi belia di seluruh negara.

Pertubuhan belia diberi bantuan dengan pelbagai bentuk, termasuk kewangan, kelengkapan dan pelbagai lagi.

Mereka digalakkan membina jati diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan peluang pendidikan yang sempurna.

Selain itu, belia juga dinasihatkan menyertai persatuan supaya kegiatan mereka terarah dan boleh meningkatkan motivasi kemajuan untuk faedah mereka sendiri.

Persatuan Belia seperti MAYC, 4-B, Majlis Belia Malaysia (MBM) dan persatuan belia Cina, India dan pelbagai lagi digalakkan bergerak maju bagi mengisi wawasan negara.

Bagaimanapun, kini ada usaha untuk menterbalikkan kegiatan sihat itu kepada kegiatan yang kurang menyenangkan.

Misalnya, hampir 150,000 belia dikatakan terbabit dengan penagihan dadah dan 5,000 lagi dengan pil ecstasy.

Sementara belia yang masih di peringkat sekolah menengah ada yang terbabit dengan perbuatan yang kurang menyenangkan seperti menyerang guru dan membakar bilik darjah.

Malah, ada yang terbabit dengan demonstrasi jalanan.

Semua kegiatan ini mengarahkan kepada keburukan.

Sudah pasti tindakan itu berlawanan dengan prinsip belia yang murni. Selain merugikan diri mereka sendiri, tindakan itu juga merugikan negara dan bangsa.

Menurut Islam, seseorang itu dianggap belia apabila ia mencapai umur 15 tahun dan akil baligh. Sebelum itu, mereka dianggap sebagai kanak-kanak. Apabila seseorang mencapai tahap belia, maka ia mula menerima hukum taklif (tanggungjawab). Ertinya ia mula mendapat pahala apabila melakukan perbuatan yang baik dan berdosa jika melakukan perbuatan yang jahat.

Sepanjang pembentukan peribadinya untuk mencapai ke tahap belia dan remaja, ibu bapa, guru dan masyarakat berfungsi besar memberi sumbangan pendidikan sama ada formal atau tidak formal.

Daripada ketiga-tiga pihak itu, ibu bapa adalah yang paling penting mencorakkan masa depan anak mereka. (Rujuk Dr Abdullllah Nashif

Ulwan, Tarbiyatul Awlad Fil Islam, 1981)

Rasulullah SAW bersabda, maksudnya: "Sesungguhnya kanak-kanak itu seperti kain putih. Ia dilahirkan dalam keadaan bersih (fitriah), kedua-dua ibu bapa mereka yang mencorakkan sama ada menjadikannya Yahudi, Nasrani dan Majusi atau pelbagai lagi." (Hadis riwayat Bukhari, Muslim dan Tirmizi)

Sistem pendidikan di Malaysia yang memartabatkan ilmu, secara langsung atau tidak bertujuan membentuk belia menjadi generasi berilmu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam amanatnya kepada belia dalam perhimpunan belia 1998 mengingatkan belia adalah pewaris kepemimpinan negara. Dalam Rukun Negara, walaupun tidak menyebut belia, ikrar yang dibacakan ketika perbarisan di sekolah menengah mengasah rohani supaya menjadi belia yang sihat dan murni.

Dalam ikrar, belia diajak percaya kepada Tuhan, kesetiaan kepada raja dan negara, keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang serta kesopanan dan kesusilaan. Ikrar ini menjadi rutin dibacakan oleh setiap pelajar ketika perhimpunan sekolah setiap pagi pada awal minggu persekolahan.

Amalan ikrar itu boleh membangunkan semangat kesetiaan kepada negara yang tidak berbelah bagi.

Bagaimanapun, suasana masyarakat yang turut membentuk keperibadian belia tidak begitu memihak kepada belia sekarang. Situasi ini timbul kerana ada di kalangan masyarakat yang menganggap belia sebagai alat untuk memenuhi sesuatu tujuan yang tersirat.

Di sinilah kelemahan belia sekarang, berbanding belia Islam pada zaman Nabi Muhammad. Jika pada zaman Rasulullah, belia sanggup berkorban nyawa untuk ketinggian Islam, kini ada sesetengah belia yang terpengaruh dengan anasir yang ingin meruntuhkan kerajaan dan mencemarkan negara.

Kita patut mengamalkan konsep belia pengukir tamadun ilmu.

(END)